

Program beri pendedahan awal bersama kuda dan kikis budaya eksklusif

## AKTIVITI

Nurul Husna Mahmud  
nurul\_husna@hmetro.com.my

**Keterujaan** jelas terukir pada wajah 15 kanak-kanak mengikuti program Horses Are Fun apabila melihat kuda bakal ditunggang mereka.

Program anjuran Taman Equestrian Putrajaya bertujuan memberi pendedahan awal mengenai aktiviti atau sukan berkuda sering dianggap sangat eksklusif oleh orang ramai.

Justeru, pusat rekreasi berkuda itu mengambil inisiatif dengan menganjurkan program membabitkan orang ramai terutama peminat sukan rekreatif menerusi beberapa program termasuk seawal pembabitan peringkat kanak-kanak.

Selain perseorangan, pihak taman berkenaan mengalu-alukan penyertaan kelab mahupun agensi tertentu dalam sukan berkuda yang secara tidak langsung membantu memperkembangkan sukan berkuda sebagai pilihan sukan rekreasi di Malaysia.

### MANU ORANG RAMAI LEBIH BERPELUANG MENCUBA SUKAN BERKUDA

Menurut Pengurus ARL Equestrian, Rayani Abd Razak, pihaknya sentiasa aktif menganjurkan program bersesuaian dengan keperluan pengunjung luar yang ingin berjinak-jinak dengan sukan berkuda.

Katanya, program 'Horses Are Fun' adalah contoh usaha pihaknya menggamit perhatian masyarakat lebih meminati sukan kuda.

"Sukan kuda tidak eksklusif dan semua mempunyai peluang andainya mereka tahu

# PUPUK MINAT SUKAN BERKUDA



TERUJA belai kuda.

saluran betul seperti pusat equestrian kami.

"Kami ada aktiviti seperti 'fun ride' dan kelas untuk mereka yang mempunyai hasrat menguasai kemahiran menunggang. Mereka boleh hubungi kami dan lihat kelas mahupun program bersesuaian.

"Selain berkuda, kami ada fasiliti lain seperti padang untuk aktiviti keluarga. Kami juga berkolaborasi dengan kelab lain seperti memanah supaya wujud pelbagai aktiviti dalam taman equestrian ini."

"Jadi, saya berharap lebih ramai akan datang mencuba serta menyertai sukan berkuda. Ia tidak saja menyeronokkan malah baik untuk kesihatan,"

katanya.  
**BERDEBAR KERANA TIADA PENGALAMAN MENUNGGANG KUDA**

Tubuh kecil Sharifah Nur Adriana Syed Mohd Khairul Asraf, tidak sepadan dengan ketinggian serta bidang badan kuda tinggi.

Namun ridak wajah kanak-kanak berkenaan dilihat sungguh teruja mengenakan topi pelindung khas serba hitam dalam persediaan menunggang kuda.

Katanya, meskipun berdebar kerana tidak pernah menunggang kuda sebelum ini, perasaan teruja membuatnya hilang rasa gementar.

"Takut masa awal sebab nampak kuda sangat tinggi.



TOPI keledar untuk menunggang kuda.

FOTO OWEI AH CHUN



Mula duduk atas pun begitu etapi sudah lama jalan dan pusing-pusing sekitar pusat equestrian, rasanya tidak puas pula.

"Kuda membawa saya juga jinak dan ditarik urulatih perlahan-lahan perjalanan sekitar taman, adi gayat hilang. Lepas ini ika ada peluang saya ingin menunggang bersama keluarga," katanya.

### SELESA BERSAMA KUDA KERANA HAIWAN ITU JINAK DAN MANJA

Bagi peserta Danial Haziq Zurfahiz, 10, dia tidak takut berada dekat dengan kuda kerana haiwan itu jinak dan manja.

Jurulatih meminta kami menggosok atau membela. Penting bagi kuda untuk tahu kita suka dan selesa kerana, kata jurulatih, kuda tahu sama ada saya takut

posisi duduk dengan lebih selesa.

"Jadi, kena pakai kasut dan baju selesa untuk bersukan. Kami juga diberi topi berwarna hitam berfungsi seperti topi keledar melindungi kepala," katanya.

atau tidak.

"Kami juga memberi kuda makan dan menariknya, kuda ini makan kurma dan juga buah mengikut diet ditetapkan penjaganya. Selain itu jurulatih memberitahu kuda juga perlu dimandi dan diberus memastikan ia sihat dan boleh ditunggang," katanya.

Kata Danial, lebih seronok dalam program berkenaan ialah slot membuat hasil kraf bertemakan kuda.

"Selain menunggang, kami belajar membuat topeng dan beberapa kerja seni kraf bertemakan kuda. Memang seronok. Ia berbeza daripada program luar yang pernah saya sertai. Mungkin selepas ini saya ingin belajar menunggang kuda dengan lebih baik," katanya.



#### PROFIL

**Nama:** Sharifah Nur Adriana Syed Mohd Khairul Asraf  
**Umur:** 8 tahun  
**Asal:** Kuala Lumpur  
**Peranan:** Peserta



#### PROFIL

**Nama:** Danial Haziq Zurfahiz  
**Umur:** 10 tahun  
**Asal:** Kuala Lumpur  
**Peranan:** Peserta



#### PROFIL

**Nama:** Rayani Abdul Razak  
**Asal:** Kuala Lumpur  
**Peranan:** Pengurus ARL Equestrian